

## BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

### NOTA AMALAN 25

#### TATACARA PENYENARAIAAN BAGI TERBITAN BAHARU SEKURITI OLEH PENERBIT DENGAN PENYENARAIAAN KEDUA

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa:	3 Ogos 2009
Tarikh semakan:	25 Mac 2013, 1 April 2015, 13 Julai 2015
	Perenggan 4A.24

#### 1.0 Pengenalan

1.1 Nota Amalan ini memperuntukkan mengenai kehendak yang berikut berhubung dengan permohonan penyenaiaan oleh penerbit dengan penyenaiaan kedua di Pasaran Utama di bawah perenggan 4A.24 (iaitu bagi penyenaiaan terbitan baharu sekuriti):

- (a) tatacara bagi terbitan baharu sekuriti; dan
- (b) borang permohonan penyenaiaan dan sebut harga dan dokumen sokongan.

#### 2.0 Tatacara yang berhubung dengan penyenaiaan terbitan baharu sekuriti

2.1 Tatacara yang berikut terpakai bagi penyenaiaan terbitan baharu sekuriti oleh penerbit dengan penyenaiaan kedua di Pasaran Utama, dengan pengubahsuaian yang perlu, mengikut yang berkenaan:

- (a) penerbit tersenarai dengan serta merta mengumumkan terbitan baharu sekuriti kepada Bursa apabila diluluskan oleh lembaga pengarahnya;
- (b) penerbit tersenarai mengemukakan permohonan kepada pihak yang berikut sekiranya dikehendaki di bawah undang-undang dan kaedah-kaedah yang berkenaan –
  - (i) pihak berkuasa yang berkenaan di tempat ia diperbadankan; dan
  - (ii) bursa saham lain yang terbitan baharu sekuriti itu diterima masuk dan disebut harga ("**Bursa Saham**"),
 (i) dan (ii) di atas disebut secara kolektif dalam Nota Amalan ini sebagai "**Pihak Berkuasa Yang Berkenaan**";
- (c) Pihak Berkuasa Yang Berkenaan meluluskan penerbitan dan penyenaiaan sekuriti itu;

**Nota Amalan 25**  
**Tatacara Penyenaian bagi Terbitan Baharu Sekuriti**  
**Oleh Penerbit dengan Penyenaian Kedua**

---

- (d) penerbit tersenarai memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaian bagi terbitan baharu sekuriti berserta dengan dokumen sokongan;
  - (e) Bursa memberikan kelulusan secara prinsip bagi penyenaian terbitan baharu sekuriti itu;
  - (f) penerbit tersenarai mendapatkan kelulusan pemegang syer, jika dikehendaki, di bawah undang-undang dan kaedah-kaedah yang berkenaan;
  - (g) penerbit tersenarai menetapkan tarikh tutup buku dan hak yang berkenaan, jika berkenaan, dan dengan serta-merta mengumumkan tarikh itu kepada Bursa;
  - (h) penerbit tersenarai menerbitkan dan mengumpukkan sekuriti;
  - (i) penerbit tersenarai memfailkan dengan Bursa permohonan sebut harga berserta dengan dokumen sokongan sekurang-kurangnya 2 hari pasaran sebelum sekuriti itu diterima masuk dan disebut harga di Bursa Saham; dan
  - (j) sekuriti diterima masuk dalam Senarai Rasmi dan disebut harga di Bursa pada masa yang sama dengan sekuriti itu diterima masuk dan disebut harga di Bursa Saham sekiranya permohonan sebut harga berserta dengan dokumen sokongan didapati lengkap dalam semua aspek.
- 2.2 Sekiranya penerbit tersenarai gagal membuat permohonan kepada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan dan Bursa sehingga tarikh yang ditentukan dalam pengumuman di bawah perenggan 2.1 di atas, ia mesti dengan serta-merta mengumumkan kepada Bursa hakikat kegagalan itu, sebab-sebabnya dan bila ia menjangkakan akan membuat permohonan itu.
- 3.0 Permohonan penyenaian dan sebut harga**
- 3.1 Penerbit dengan penyenaian kedua di Pasaran Utama mesti memfailkan dengan Bursa permohonan penyenaian bagi terbitan baharu sekuriti yang terdiri daripada yang berikut:
- (a) permohonan, dalam bentuk Bahagian A Lampiran PN25-A, yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh penerbit tersenarai;
  - (b) dokumen sokongan yang ditentukan dalam Bahagian B Lampiran PN25-A; dan
  - (c) tarikh penerimaan masuk dan sebut harga yang dicadangkan bagi sekuriti baharu itu di Bursa Saham.
- 3.2 Penerbit tersenarai juga mesti memfailkan dengan Bursa permohonan sebut harga bagi terbitan baharu sekuriti yang disertakan bersama dengan -
- (a) pengesahan tarikh penerimaan masuk dan sebut harga sekuriti baharu itu di Bursa Saham;
  - (b) dokumen yang ditentukan dalam Bahagian C Lampiran PN25-A;
  - (c) apa-apa dokumen yang berkenaan yang dinyatakan dalam perenggan 3.1 di atas yang tidak dikemukakan; dan
  - (d) dokumen lain yang ditentukan dalam kelulusan secara prinsip yang diberikan oleh Bursa.

---

**LAMPIRAN PN25-A****Bahagian A****Kandungan permohonan penyenaian bagi terbitan baharu sekuriti**  
(perenggan 3.1(a))

- (1) Tajuk Halaman yang menunjukkan -
  - (a) nama penerbit dengan penyenaian kedua di Pasaran Utama ;
  - (b) tajuk penuh atau sebutan sekuriti yang dicadangkan untuk disenaraikan ;
  - (c) tarikh permohonan dan permintaan rasmi bagi penyenaian, dengan menentukan jumlah, nilai tara (jika ada) dan tajuk sekuriti yang dicadangkan untuk disenaraikan, dan sama ada sekuriti itu telah dibayar sepenuhnya ;
  - (d) tujuan terbitan; dan
  - (e) mata wang yang terbitan baharu sekuriti itu akan disenaraikan dan disebut harga. Sekiranya terbitan baharu sekuriti akan disenaraikan dan disebut harga dalam mata wang selain RM, suatu pernyataan mengenai sama ada kelulusan Bank Negara Malaysia telah diperoleh.
- (2) Jadual yang menunjukkan kelas, kedudukan dan bilangan sekuriti yang dicadangkan untuk disenaraikan.

**Bahagian B****Dokumen yang perlu difailkan dengan permohonan penyenaian bagi terbitan baharu sekuriti**  
(perenggan 3.1(b))

- (1) Penerbit dengan penyenaian utama di Pasaran Utama mesti memfailkan dokumen yang berikut bagi menyokong permohonan penyenaian bagi terbitan baharu sekuriti:
  - (a) salinan surat pekeliling, prospektus atau prospektus ringkas yang didaftarkan dengan pihak berkuasa yang berkenaan ;
  - (b) salinan diperaku sah ketetapan yang berkenaan yang diluluskan oleh pemegang sekuriti dalam mesyuarat agung ;
  - (c) surat daripada Penasihat Utama penerbit yang mengesahkan bahawa semua kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan telah diperoleh;
  - (d) salinan setiap surat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan; dan
  - (e) cek yang dibayar kepada Bursa Malaysia Securities Berhad atau apa-apa bukti pembayaran lain yang boleh diterima oleh Bursa bagi fi pemprosesan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa, jika berkenaan, berserta dengan salinan perincian pengiraan amaun fi penyenaian yang kena dibayar.
- (2) Sekiranya mana-mana dokumen di atas tidak difailkan kerana tidak berkenaan atau tidak tersedia dalam apa-apa hal, penerbit mesti mengemukakan ekshibit berasingan yang menjelaskan sebab dokumen itu tidak berkenaan atau tidak tersedia.

**Lampiran PN25-A**  
**Permohonan penyenaiaan bagi terbitan baharu sekuriti**

---

**Bahagian C****Dokumen yang hendaklah difailkan dengan permohonan sebut harga terbitan baharu sekuriti (perenggan 3.2(b))**

Penerbit dengan penyenaiaan kedua di Pasaran Utama mesti memfailkan dokumen yang berikut bagi menyokong permohonan sebut harga terbitan baharu sekuriti:

- (a) pengesahan daripada penerbit mengenai terbitan terkini dan modal berbayarnya ;
- (b) pengesahan bahawa semua notis pengumpulan telah dikeluarkan dan dihantar kepada pemegang yang berhak ;
- (c) pengesahan daripada penerbit bahawa Depositori bersedia untuk mengkreditkan sekuriti baharu ke akaun pemegang yang berhak, selepas menerima maklumat pengumpulan bagi pengkreditan sekuriti baharu itu;
- (d) cek yang dibayar kepada Bursa Malaysia Securities Berhad atau apa-apa bukti pembayaran lain yang boleh diterima oleh Bursa bagi fi penyenaiaan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa, berserta dengan salinan perincian pengiraan amaun fi penyenaiaan yang kena dibayar;
- (e) pengesahan daripada Penasihat Utama mengenai sama ada terbitan baharu sekuriti akan disenaraikan dan disebut harga sebagai sekuriti sedia ada dalam kelas yang sama atau akan disebut harga secara berasingan pada tarikh penyenaiaan. Sekiranya terbitan baharu sekuriti akan disebut harga secara berasingan pada tarikh penyenaiaan, untuk menentukan hak yang pemegang terbitan baharu sekuriti tidak berhak;
- (f) pengesahan daripada Penasihat Utama bahawa semua syarat, termasuk syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, jika ada, yang dikehendaki untuk dipenuhi sebelum penyenaiaan dan sebut harga sekuriti telah dipenuhi;
- (g) pengesahan daripada Penasihat Utama bahawa tidak ada hal keadaan atau fakta yang mempunyai kesan menghalang atau melarang penerbitan, penyenaiaan dan/atau sebut harga sekuriti itu, termasuk apa-apa perintah, injunksi atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang; dan
- (h) apa-apa dokumen lain yang tidak/belum dikemukakan menurut Bahagian B Lampiran PN25-A.

[Lampiran Tamat]